

# Muhyiddin sedia kerjasama semula dengan Tun M

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau sedia untuk bekerjasama dengan Tun Dr Mahathir Mohamad demi mencapai matlamat memperjuangkan nasib Melayu dan Islam.

Ia susulan kenyataan bekas Pengerusi Gerakan Tanah Air (GTA) itu yang menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan Muhyiddin, yang juga bekas sekutunya sebelum ini.

“Sebagai seorang Muslim, saya secara peribadi bersedia untuk bekerjasama dengan semua tokoh Melayu dan Islam, termasuk Mahathir demi perjuangan membela agama, bangsa dan ne-

gara,” katanya melalui Facebook, semalam.

Ahli Parlimen Pagoh itu menegaskan, kesediaannya itu juga didorong perkembangan politik mutakhir ini yang meletakkan umat Melayu dan Islam di negara ini di suatu persimpangan getir.

Terdahulu, media melaporkan Mahathir mengakui beliau bersedia bekerjasama dengan Muhyiddin sekiranya kedua-dua pihak dapat mencapai matlamat yang sama.

Mahathir dilapor berkata, usaha memperjuangkan nasib Melayu perlu dijadikan matlamat utama selain menolak individu yang terpalit isu rasuah atau salah laku jenayah.



Dalam pada itu, Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin dilapor berkata, kesediaan bekas Perdana Menteri itu membuktikan status parti berkenaan serta PN kini sudah menjadi alternatif kepada UMNO.

Katanya, BERSATU sedia untuk menerima dan bekerjasama dengan mana-mana pemimpin politik, termasuk Mahathir yang mencari platform perjuangan untuk Melayu.

“Alhamdulillah, kita terima semua (pemimpin), sama ada daripada PEJUANG mahu pun bekas UMNO.

“Semua itu sesuatu yang diimpikan supaya semua orang sedar kita telah menjadi alternatif

kepada perjuangan asal orang Melayu,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Dialog PN Parlimen Sungai Besar, Sabak Bernam dan Tanjong Karang di Markas PAS Simpang Lima, di sini, malam kelmarin.

Ditanya apakah perkembangan itu boleh menggugat kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Hamzah yang juga Ketua Pembangkang berkata, perkara itu bukanlah suatu yang baharu kepada Perdana Menteri.

“Ia adalah ‘mimpi ngeri’ buat Presiden PKR itu sebelum menjadi kerajaan lagi. Sebab apa nak takut, beliau (Anwar) memang sudah takut selama-lamanya,” katanya.